

# Pembangkang tak mungkin berkuasa tanpa undi Melayu - Dr. M

9 JAN 1984

**K**UALA LUMPUR 8 Jan. - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata kerajaan tidak percaya bahawa pembangkang yang ada sekarang berkeupayaan untuk mengambilalih teraju kerajaan tanpa sokongan sebahagian besar daripada pengundi-pengundi bumiputera.

Oleh itu, tegas Perdana Menteri, pihak pembangkang tidak mungkin dapat mengubah perlembagaan negara ini kerana jika mereka mahu berbuat demikian, sokongan dua pertiga daripada wakil rakyat diperlukan.

Bercakap kepada para pemberita selepas majlis

penerangan bagi ketua-ketua bahagian dan ketua-ketua penerangan bahagian serta mesyuarat Majlis Tertinggi Barisan Nasional di Hotel Regent di sini tengah hari ini, beliau memberitahu bahawa suasana dalam majlis penerangan itu adalah "riang gembira".

Menurutnya, pada umumnya semua anggota UMNO menyokong tindakan kerajaan meminda perlembagaan sebulat suara.

"Adalah di antara anggota-anggota UMNO membangkitkan soal pembangkang menjadi pemerintah dalam majlis taklimat itu. Mereka

bkrkata pembangkang mungkin akan mengubah perlembagaan negara ini sekiranya mereka (pembangkang) memegang teraju kerajaan.

"Kita telah menjelaskan bahawa ini tidak mungkin berlaku kerana untuk mengubah perlembagaan, pembangkang memerlukan sokongan dua pertiga daripada wakil-wakil rakyat. Ini tidak mungkin diperolehi mereka.

"Bahkan kita tidak percaya bahawa pembangkang yang ada sekarang ini berkeupayaan, tanpa sokongan sebahagian besar daripada pengundi-pengundi bumiputera, untuk menjadi

kerajaan di negara ini," ujarnya.

Ditanya mengenai kandungan taklimat kepada lebih 200 orang ketua bahagian dan ketua penerangan bahagian UMNO, Datuk Sri Dr. Mahathir memberitahu bahawa beliau menjelaskan tentang asal-usul pindaan perlembagaan dibuat.

Dijelaskan beliau juga mengenai reaksi yang timbul selepas pindaan diluluskan oleh Parlimen dan masalah tidak mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong.

Beliau yang juga Presiden UMNO kemudian telah menyatakan bahawa kerajaan membuat

tawaran tolak ansur dalam isu itu sehingga pindaan-pindaan baru dibuat ke atas pindaan, yang sudah ada.

"Umumnya semua anggota menyokong tindakan kerajaan meminda perlembagaan dan mereka menyatakan kefahaman mereka tentang betapa perlunya pindaan dilakukan," katanya lagi.

Terdahulu dari itu, Perdana Menteri yang juga Pengerusi Barisan Nasional berkata Majlis Tertinggi Barisan Nasional memberikan sokongan penuh kepada pindaan-pindaan perlembagaan yang dibuat oleh kerajaan termasuk pindaan-pindaan baru.

Majlis Tertinggi yang bermesyuarat selama sejam lebih itu telah juga membuat ketetapan untuk menyokong langkah kerajaan sepenuhnya meminda perlembagaan dengan tujuan untuk mencapai perjalanan kerajaan yang lebih licin dan cekap.

Ketetapan tersebut juga menyatakan bahawa Barisan Nasional menegaskan sekali lagi keyakinannya terhadap institusi raja berperlembagaan yang menjadi sebahagian daripada sistem demokrasi berparlimen di mana hasrat rakyat dianggap sebagai yang paling uluna.